



**PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU-GURU (PIBG)  
SEKOLAH MENENGAH SAINS KUALA SELANGOR  
BANDAR MALAWATI, 45000 KUALA SELANGOR  
SELANGOR DARUL EHSAN  
TEL: 03-32891868/32893052 FAX: 03-32896631**



Ruj. Kami : SMSKS 07/01/001 Jld.2 (16)  
Tarikh : 11 Oktober 2010  
3 Zulkaedah 1431H

Ibu bapa / Penjaga  
Murid Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor

Y.Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan,

**SUMBANGAN DERMA '1 PELAJAR 1 PASU BUNGA BOUGAINVILLE' (BUNGA KERTAS)  
SEMPENA GOTONG ROYONG PERDANA**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa SM Sains Kuala Selangor sedang dalam proses untuk menanam pokok dan mengindahkan persekitaran sekolah sempena tema ' Sekolah Bersih, Cantik Tanpa Aedes'. Di samping itu pelajar-pelajar boleh menjaga dan menghargai alam sekitar.

2. Sehubungan dengan itu besarlah harapan kami agar Y.Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan dapat menyumbang derma satu pasu bunga kertas di mana ukuran garis pusat pasu adalah 14 inci. Pokok bunga kertas ini akan dijadikan 'Pokok Angkat' yang akan dijaga oleh pelajar. Y.Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan boleh juga memberi sumbangan berupa wang ringgit secukupnya untuk membeli pokok bunga tersebut sekiranya Y.Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan menghadapi masalah untuk membawa pokok bunga ke sekolah. Sumbangan derma tersebut hendaklah diserahkan kepada mentor kelas masing-masing melalui anak Y.Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan sebelum atau pada 23 Oktober 2010.

3. Kerjasama dan keprihatinan Y.Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"PERMUAFAKATAN DAN KEPRIHATINAN TUNJANG KEJAYAAN"**

Saya yang benar,

**(TUAN HAJI ISHAK BIN SAMSUDDIN)**  
Yang Dipertua PIBG  
Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor.

S.k. 1. Fail PIBG